

18/10/2003

Usah hirau pendirian anti-Islam: Pak Lah

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata negara Islam tidak harus terpesong dengan pandangan golongan anti-Islam, sebaliknya menumpukan perhatian kepada matlamat untuk memajukan umat Islam.

Timbalan Perdana Menteri berkata, langkah itu penting jika mereka mahu membangun dan memperbaiki imej umat Islam.

"Kita tidak boleh harap pada orang lain untuk maju. Kita kena cari sumber kekuatan dalam masyarakat Islam sendiri bagi mencapai kejayaan dan kemajuan yang lebih besar daripada apa yang dicapai hari ini.

"Oleh itu, tidak guna kita perjelaskan atau fikir pendirian atau apa orang yang tak suka kita kata. Pendirian mereka ini tidak boleh diubah.

"Apa yang lebih baik ialah kita yang berubah," katanya mengulas laporan media asing yang mengutuk ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika pembukaan Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Abdullah yang juga Pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) berkata, ucapan Perdana Menteri sebenarnya lebih ditujukan kepada masyarakat Islam supaya menggunakan akal fikiran untuk maju.

"Nasihat itu untuk orang Islam mengambil iktibar daripada apa yang berlaku kepada orang Yahudi. Bagaimana mereka menggunakan akal dan pendekatan strategik untuk maju.

"Ucapan Perdana Menteri itu sebenarnya satu kritikan kepada orang Islam, apa yang perlu dan tidak perlu mereka lakukan," katanya.

Abdullah juga membidas tindakan menyamakan Dr Mahathir dengan Osama Bin Laden dan tuduhan anti-Yahudi serta cuba mengajak umat Islam berperang dengan Yahudi.

Beliau berkata, Dr Mahathir tidak menentang mana-mana bangsa, termasuk Yahudi tetapi hanya bercakap mengenai apa yang berlaku dan apa yang beliau lihat.

Pada sidang akhbar untuk media tempatan selepas perbincangan dua hala dengan sembilan ketua negara, termasuk Syria dan Uganda, Abdullah berkata Presiden Syria, Bashar Al Assad menyokong ucapan Dr Mahathir yang dilihat banyak memberi idea untuk pembangunan umat Islam.

Selain itu, semua negara OIC setuju untuk meningkatkan kegiatan perdagangan, perniagaan dan pelaburan di kalangan negara anggota.

"Ini satu petanda negara OIC bersedia memberi perhatian kepada pembangunan ekonomi negara. Mereka juga mahu memperluaskan kerjasama dalam bidang berkaitan pendidikan dan pelancongan.

"Saya gembira dengan sikap ini kerana ia menunjukkan kita mahu membangunkan umat Islam. Umat Islam perlu bangun dan maju kerana hanya apabila kita maju, kita menjadi kuat," katanya.

Abdullah juga berkata, sebagai Pengerusi OIC bagi tempoh tiga tahun, harapan tinggi negara anggota OIC adalah satu cabaran kepada Malaysia.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia yakin mampu memikul tanggungjawab itu dan bersedia berkongsi pengalaman dengan negara anggota lain.

"Dengan kepemimpinan yang membawa cara dan perhatian baru ini, saya percaya kerja akan menjadi lebih mudah walaupun mencabar. Yang penting, kita bekerjasama," katanya.

Beliau berkata, pada pertemuan dengan sembilan ketua negara itu, pemimpin terbabit menyatakan betapa mereka bangga dengan kepemimpinan Dr Mahathir menjadikan Malaysia negara Islam yang berjaya.

Katanya, mereka berjanji memberi segala kerjasama kepada Malaysia untuk membangun dan memperbaiki imej Islam walaupun selepas Dr Mahathir tidak

lagi memimpin OIC.

"Mereka nantikan peranan saya sebagai Pengerusi OIC apabila saya mengambil jawatan Perdana Menteri kelak dan berjanji akan bekerjasama untuk mencapai matlamat memajukan Islam," katanya

Pada pertemuan itu, Abdullah berkata, negara terbabit menyebut kejayaan Malaysia hari ini adalah kejayaan yang boleh dibanggakan orang Islam, kejayaan yang mereka boleh tumpang dan membuktikan orang Islam juga boleh mencapai kemajuan.